

Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai TAKAFUL CBP PROTECT. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

### 1. Apakah produk ini?

- TAKAFUL CBP PROTECT adalah produk Takaful Kemalangan Diri Berkelompok yang direka secara eksklusif untuk pelanggan Koperasi Co-Opbank Pertama Malaysia Berhad [No Ko-Op.: 1146/7.6.50] ("CBP") yang menyediakan perlindungan dua puluh empat (24) jam sehari dan di seluruh dunia untuk kecederaan badan yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan.
- Di bawah produk ini, CBP dan pelanggannya ("Orang Yang Dilindungi") bersetuju untuk mengambil bahagian dan membayar sumbangan ke dalam Dana Takaful Am ("DTA"). CBP dan Orang Yang Dilindungi juga bersetuju untuk menderma sebahagian daripada sumbangan ke dalam DTA berdasarkan Tabarru'. CBP dan Orang Yang Dilindungi memberi kuasa kepada Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] ("Kami", atau "Takaful Malaysia") berdasarkan konsep Wakalah untuk menguruskan DTA dan sebagai balasan, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

### 2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar dari DTA adalah berdasarkan Hibah. Penerima boleh menerima manfaat yang dibayar di bawah produk ini jika penerima adalah seorang penerima di bawah Hibah bersyarat.
- Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] ("Kami", atau "Takaful Malaysia") untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada Dana Takaful Am (DTA) untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila anda menyumbang kepada DTA.
- Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

### 3. Apakah pelan/manfaat yang disediakan?

Terdapat enam (6) pelan tersedia untuk anda pilih:-

Pelan	A	B	C	D	E	F
<b>Manfaat-manfaat</b>	<b>Jumlah Perlindungan (RM)</b>					
1. Kematian	100,000	70,000	50,000	40,000	30,000	10,000
2. Keilatan Kekal	100,000	70,000	50,000	40,000	30,000	10,000
3. Perbelanjaan Pengebumian	3,000	3,000	3,000	1,000	1,000	1,000
4. Perbelanjaan Perubatan	3,000	3,000	3,000	2,000	1,000	600
5. Perbelanjaan Penghantaran Pulang	3,000	3,000	3,000	2,000	1,000	tiada
6. Elaun Hospital (sehingga 30 hari)	50 sehari	50 sehari	50 sehari	40 sehari	30 sehari	10 sehari
7. Yuran Ambulans	200	200	200	200	200	tiada
8. Cedera Akibat Diragut	500	500	500	500	500	tiada
9. Peralatan Ortopedik	500	500	500	500	500	tiada
10. Badal Haji	3,000	3,000	3,000	1,000	1,000	tiada

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### 4. Berapakah sumbangan yang saya perlu bayar?

Sumbangan anda ditentukan berdasarkan jenis pelan yang anda pilih.

Pelan	A	B	C	D	E	F
Perlindungan Satu (1) Tahun	RM120.00	RM100.00	RM85.00	RM50.00	RM30.00	RM10.00
8% Cukai Perkhidmatan	RM9.60	RM8.00	RM6.80	RM4.00	RM2.40	RM0.80
<b>Jumlah</b>	<b>RM129.60</b>	<b>RM108.00</b>	<b>RM91.80</b>	<b>RM54.00</b>	<b>RM32.40</b>	<b>RM10.80</b>

Pelan	A	B	C	D	E	F
Perlindungan Tiga (3) Tahun	RM360.00	RM300.00	RM255.00	RM150.00	RM90.00	RM30.00
8% Cukai Perkhidmatan	RM28.80	RM24.00	RM20.40	RM12.00	RM7.20	RM2.40
<b>Jumlah</b>	<b>RM388.80</b>	<b>RM324.00</b>	<b>RM275.40</b>	<b>RM162.00</b>	<b>RM97.20</b>	<b>RM32.40</b>

Pelan	A	B	C	D	E	F
Perlindungan Lima (5) Tahun	RM600.00	RM500.00	RM425.00	RM250.00	RM150.00	RM50.00
8% Cukai Perkhidmatan	RM48.00	RM40.00	RM34.00	RM20.00	RM12.00	RM4.00
<b>Jumlah</b>	<b>RM648.00</b>	<b>RM540.00</b>	<b>RM459.00</b>	<b>RM270.00</b>	<b>RM162.00</b>	<b>RM54.00</b>

#### Nota:

- Anda hanya boleh dilindungi di bawah satu (1) pelan sahaja untuk produk ini. Jika atas apa jua sebab anda dilindungi lebih daripada satu (1) pelan, anda akan dilindungi dengan Jumlah Perlindungan tertinggi dan kami berhak untuk membatalkan serta-merta dan membayar balik Sumbangan yang telah dibayar untuk pelan Takaful yang lain.

#### 5. Apakah caj dan yuran yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
Yuran Wakalah	55% daripada Sumbangan Tahunan yang mana: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Komisen – 25%; dan</li> <li>- Perbelanjaan lain – 30%.</li> </ul>
Cukai Perkhidmatan	8% daripada Sumbangan Tahunan.

Duti Setem bernilai RM10.00 dibayar oleh CBP.

#### 6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

Sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut anda ketahui adalah:

##### a. Tanggungjawab Pendedahan Kontrak Takaful Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan tuntutan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa

permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

**b. Perubahan Risiko** - Anda mesti memaklumkan kepada CBP secara bertulis terhadap sebarang perubahan penting yang berlaku sepanjang tempoh Takaful supaya pindaan yang wajar akan disahkan ke dalam sijil anda.

**c. Kelayakan**

Orang Yang Layak:

- i. Pelanggan CBP; dan
- ii. Rakyat Malaysia.

Had Umur: Enam belas (16) tahun sehingga enam puluh lima (65) tahun (umur hari jadi akan datang pada tarikh perlindungan berkuat kuasa) dan boleh diperbaharui sehingga tujuh puluh lima (75) tahun.

Orang yang terlibat dalam pekerjaan yang berisiko tinggi atau terdedah kepada keadaan berbahaya **TIDAK DILINDUNGI** semasa menjalankan kerja mereka atau semasa bertugas. Contohnya kakitangan syarikat penerbangan, pekerja penerbangan, pekerja kapal, anggota tentera (tentera darat, tentera laut dan tentera udara), mana-mana pasukan penguatkuasa undang-undang, anggota polis, pengawal keselamatan bersenjata, bomba, nelayan, penyelam, pelumba permotoran dan ahli sukan profesional semasa terlibat dalam aktiviti perlumbaan/sukan profesional, pekerja pelabuhan, pekerja perobohan bangunan, pelumba kuda, pekerja pembalakan, pekerja pelantar minyak, pekerja kuari, pekerja terowong bawah tanah dan lombong, pekerja penyelamat marin, individu yang terlibat secara langsung dalam membuat atau mengendalikan bahan letupan atau peluru atau bunga api, penebang pokok, pembersih tingkap bangunan tinggi dan penunggang penghantaran.

**d. Tunai sebelum perlindungan** - Sumbangan penuh perlu dibayar kepada CBP sebelum perlindungan Takaful boleh diberikan.

**e. Tuntutan** - Notis bertulis tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan hendaklah dikemukakan kepada CBP atau Kami secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada empat belas (14) hari dari tarikh kejadian yang menyebabkan kecederaan atau kerugian tersebut.

**f.** Penerangan ringkas manfaat yang ditawarkan di bawah produk ini adalah seperti berikut:

Manfaat	Penerangan Ringkas
1. Kematian	Kami akan membayar Jumlah Perlindungan sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan dengan syarat kematian tersebut berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan.
2. Keilatan Kekal	Kami akan membayar Jumlah Perlindungan mengikut peratusan seperti yang dinyatakan dalam Skala Tanggung Rugi sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami Keilatan Kekal akibat kemalangan dengan syarat ianya berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan.
3. Perbelanjaan Pengebumian	Kami akan membayar Perbelanjaan Pengebumian mengikut Jumlah Perlindungan, sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan, dengan syarat tuntutan itu boleh dibayar di bawah manfaat Kematian.
4. Perbelanjaan Perubatan	Kami akan membayar balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung di mana-mana klinik dan/atau hospital berdaftar sehingga Jumlah Perlindungan untuk setiap kemalangan setahun sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami kecederaan badan yang memerlukan rawatan perubatan, dengan syarat perbelanjaan perubatan pertama ditanggung dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan dan perbelanjaan perubatan berikutnya ditanggung tidak lebih daripada dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kemalangan. Rawatan perubatan sedemikian mesti disediakan oleh pengamal perubatan. Perbelanjaan perubatan tidak termasuk yuran laporan perubatan dan/atau kos katil tambahan, televisyen, telefon, perkhidmatan jalur lebar, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barangan bukan perubatan lain yang tidak layak.
5. Perbelanjaan Penghantaran Pulang	Kami akan membayar balik perbelanjaan penghantaran pulang jenazah sehingga Jumlah Perlindungan, sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan semasa berada di luar tempat kediaman atau kediaman biasa, dengan syarat tuntutan itu boleh dibayar di bawah manfaat Kematian.

6. Elaun Hospital (sehingga 30 hari setahun)	Kami akan membayar Jumlah Perlindungan jika Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital akibat kemalangan, sehingga maksimum tiga puluh (30) hari setiap kemalangan setahun dengan syarat kemasukan hospital Orang Yang Dilindungi berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan.
7. Yuran Ambulans	Kami akan membayar balik sehingga Jumlah Perlindungan bagi perkhidmatan ambulans (termasuk atendan) untuk membawa Orang Yang Dilindungi ke/dari hospital akibat kemalangan.
8. Cedera Akibat Diragut	Kami akan membayar Jumlah Perlindungan sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami kecederaan badan yang disebabkan oleh kecurian ragut atau rompakan. Tertakluk kepada satu kemalangan sahaja untuk setiap tempoh perlindungan setahun. Laporan polis mesti dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kemalangan berlaku.
9. Peralatan Ortopedik	Kami akan membayar balik sehingga Jumlah Perlindungan untuk pembelian peralatan ortopedik (termasuk kerusi roda, tongkat dan lengan/kaki palsu) yang diperlukan setelah berlakunya kemalangan, jika disyorkan oleh pengamal perubatan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan.
10. Badal Haji	Kami akan membayar Jumlah Perlindungan sebagai badal haji sekiranya Orang Yang Dilindungi yang beragama Islam meninggal dunia akibat kemalangan dan tidak dapat melaksanakan haji, dan untuk orang yang bukan beragama Islam, manfaat akan dibayar sebagai elaun ihsan, dengan syarat tuntutan itu boleh dibayar di bawah manfaat Kematian.

**Nota:** Senarai di atas tidak lengkap. Sila rujuk sijil dan lampiran untuk terma dan syarat penuh.

## 7. Apakah pengecualian utama bagi produk in?

Produk ini tidak melindungi perkara berikut:

- Keadaan sedia ada;
- Gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), kecederaan yang disengajakan oleh diri sendiri atau sebarang percubaan untuk melakukannya;
- Kesan atau pengaruh dadah atau alkohol;
- Pembunuhan atau serangan provokasi;
- Semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang atau jenayah; dan/atau
- Semasa menyertai sukan profesional dan/atau aktiviti berbahaya seperti mendaki gunung, mendaki batu atau tebing, hoki ais, bermain polo kuda, penunggang kuda, sukan musim sejuk, sukan kapal layar, sukan berjalan dalam gua dan mendaki gua, aktiviti meluncur air, terjun udara, terjun tebing, lompat "bungee" dll.

**Nota:** Senarai di atas tidak lengkap. Sila rujuk sijil dan lampiran untuk senarai penuh pengecualian.

## 8. Bolehkan saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada CBP. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik sumbangan yang telah dibayar secara pro-rata; dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah sijil anda.

## 9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada mana-mana cawangan CBP untuk sebarang perubahan maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda juga boleh menghubungi CBP di:

Koperasi Co-Opbank Pertama Malaysia Berhad [No Ko-Op.: 1146/7.6.50],  
 Tingkat 6, Wisma JCBNext,  
 No.27, Lorong Medan Tuanku 1,  
 Off Jalan Sultan Ismail,  
 50300 Kuala Lumpur.  
 No. Tel: 1-300-88-7650  
 Emel: [info@cbp.com.my](mailto:info@cbp.com.my)

**10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang produk ini, sila hubungi Kami di:

**Unit Khidmat Pelanggan (CSU),**

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)],  
Tingkat 27, Blok Annexe,  
Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 11483,  
50746 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300 88 252 385  
Emel: [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my)

**11. Jenis-jenis perlindungan lain yang sama dan boleh didapati.**

Sila rujuk laman web CBP di <https://www.cbp.com.my> dan laman web Kami di [www.takaful-malaysia.com.my](http://www.takaful-malaysia.com.my).

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK AMBIL MAKLUM JADUAL MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN KEILATAN KEKAL AKIBAT KEMALANGAN DALAM SIJIL DAN ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL YANG TELAH ANDA SERTA.**

**ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL INI DAN BERBINCANG DENGAN PEGAWAI CBP ATAU HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Produk ini diuruskan oleh Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah sah pada Mac 2024.